

Ruj : MBOT.600-2/3/1 (54)

Tarikh : 03 April 2024

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan,

PENDAFTARAN GRADUAN DAN AKREDITASI PROGRAM TVET DENGAN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET), melalui mesyuarat pada 23 Januari 2024 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah membuat keputusan supaya graduan TVET berdaftar dengan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) selepas tamat pengajian (**Lampiran 1**).

3. Keputusan ini adalah bagi meningkatkan profesionalisme graduan TVET, seterusnya meningkatkan produktiviti industri melalui pengiktirafan teknologis dan juruteknik sebagai profesional dalam memberikan perkhidmatan teknologi dan teknikal seperti yang diperuntukkan dalam Akta Teknologis dan Juruteknik 2015. Keputusan tersebut juga adalah seiring dengan peranan MBOT yang hampir sedekad memacu transformasi pemerkasaan graduan TVET dalam memenuhi keperluan industri semasa, dan graduan yang mampu mendepani landskap yang sentiasa berubah serta penuh persaingan terutamanya dalam era Revolusi Perindustrian 4.0.

4. Sehubungan dengan keputusan tersebut, MBOT mengesyorkan supaya pemberi pendidikan tinggi awam dan swasta yang menawarkan program – program TVET khususnya yang bersifat teknologi termaju termasuklah teknologi kejuruteraan bagi mendapatkan pengiktirafan akreditasi MBOT melalui Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal.


Seterusnya para graduan daripada program - program tersebut dapat berdaftar dengan MBOT selepas tamat pengajian.

5. Semoga pemakluman ini mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Sekretariat Akreditasi Teknologi dan Teknikal di talian 03-8800 6211 atau melalui e-mel ttas@mbot.org.my.

Perhatian dan tindakan selanjutnya daripada pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan terhadap pemakluman ini amat dihargai.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATUK TS. IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR, FASc.)


Presiden

Lembaga Teknologis Malaysia



Graduan TVET diminta mendaftar dengan Lembaga Teknologis Malaysia

Bernama
Februari 16, 2024 11:30 MYT



Bagi memastikan kualiti graduan TVET, mereka turut digalakkan mendapatkan nilai tambah dengan menyertai program-program latihan dan pembangunan berterusan anjuran MBOT. - Gambar hiasan/DagangNews

PUTRAJAYA: Graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) yang telah menamatkan latihan di mana-mana institusi diminta berdaftar dengan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

MBOT dalam kenyataan hari ini berkata keputusan itu dipersetujui dalam mesyuarat Majlis TVET yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi MTVET, pada 23 Jan lepas.

"Dalam mesyuarat itu, MBOT telah membentangkan kertas berkaitan Peranan MBOT dalam Memperkasa Graduan TVET. Mesyuarat bersetuju agar graduan TVET yang telah menamatkan latihan supaya berdaftar dengan MBOT," menurut kenyataan itu.

Menurutnya tindakan mendaftar dengan MBOT bertujuan meningkatkan profesionalisme, sekali gus meningkatkan produktiviti industri melalui pembangunan kapasiti dan bakat.

"Dalam memastikan kualiti graduan TVET, mereka turut digalakkan untuk mendapatkan nilai tambah dengan menyertai program-program latihan dan pembangunan berterusan anjuran MBOT atau MBOT Approved Training Provider," katanya.

Sehubungan itu, MBOT turut mempelawa semua institusi pengajian tinggi dan institusi latihan kemahiran awam dan swasta untuk mendaftarkan graduan mereka dengan MBOT sebagai Juruteknik Berkelayakan atau Teknologis Berijazah.

-- BERNAMA